Kata Pengantar

Manuskrip adalah khazanah budaya yang mengandungi pelbagai ide, pengetahuan, adat-istiadat dan lain-lain yang menunjukkan keintelektualan yang tinggi. Dibandingkan dengan warisan budaya bukan-tulisan di Nusantara, seperti candi, masjid dan bangunan lainnya, bilangan warisan budaya dalam bentuk manuskrip adalah jauh lebih besar. Tetapi, warisan budaya itu sering diabaikan, selain hanya mendapat perhatian daripada sekelompok orang, khususnya para filolog dan pustakawan. Hal ini boleh difahami kerana manuskrip adalah produk daripada tradisi tulisan tangan yang sudah berbeza daripada tradisi percetakan, apatah lagi digital yang lebih mesra dan rapat dengan hidup kita. Namun, dalam konteks keilmuan dan pengetahuan budaya, manuskrip yang bilangannya sangat besar itu adalah sumber terpenting yang boleh dimanfaatkan dalam menjelaskan banyak hal berkaitan masyarakat Nusantara pada masa lalu.

Sehingga sekarang, banyak usaha untuk mengungkapkan isi kandungan manuskrip itu telah dilakukan pakar, baik dari dalam atau luar negeri. Ini selanjutnya telah melahirkan banyak kegiatan penyelidikan manuskrip dari masa ke masa. Perhatian kepada penyelidikan manuskrip ini juga telah disokong banyak institusi dari segi kewangan dan penyelenggaraan. Antara kegiatan itu adalah simposium, seminar dan bengkel. Akan tetapi satu hal penting tetapi dilakukan dengan baik adalah membentuk suasana yang membolehkan semua pihak yang berminat untuk turut serta dalam usaha manfaatkan manuskrip, selain memberi perhatian yang sesuai dengan perspektif dan bidangnya masing-masing.

Sehubungan itu, penyelenggaraan Simposium Internasional Pernaskhahan Nusantara dari masa ke masa sangatlah penting. Selain pembentangan hasil penyelidikan dari pakar masing-masing, Simposium itu juga adalah satu bentuk sosialisasi program pemeliharaan dan pemanfaatan manuskrip di Nusantara sebagai warisan leluhur bangsa.

Sejauh ini umumnya institusi-institusi awam di banyak daerah di Indonesia teah menunjukkan keterlibatan mereka menurut kemampuan masing-masing dalam penyelidikan manuskrip mereka, memandangkan penulisan manuskrip masa dahulu adalah sebahagian daripada

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

perkembangan sejarah di daerah yang berkenaan. Dalam kerangka membincangkan dan menyoroti pelbagai masalah itu kota seperti Bali, Bandung, Bau-Bau, Bima, Jakarta, Padang dan Palembang telah mengadakan Simposium Internasional Pernaskahan Nusantara dengan kerjasama MANASSA cabang dan pemerintah daerah di provinsi yang berasingan itu dari masa ke masa.

Pada bulan Julai 2007 MANASSA kembali menyelenggarakan Simposium Internasional. Simposium yang berlangsung di Bima, ibu kota kabupaten di salah satu propinsi Indonesia di belahan timur itu berkat kerjasama dengan Pemerintah Daerah Tingkat II, Bima dan Museum Samparaja, Bima. Simposium yang mengusung tema *Kearifan Lokal yang Terkandung Dalam Naskhah Kuno* itu pelaksanaannya diketuai Ibu Hj Siti Maryam Salahuddin, SH, puteri Sultan Bima ke-14, Sultan Salahuddin.

Dua belas kertas kerja dengan topik beragam tentang naskhah kuno Nusantara telah terpilih untuk diterbitkan. Peranan dan kandungan isi manuskrip Bima menjadi topik kertas kerja yang ditulis Siti Maryam Salahuddin, Henri Chambert-Loir, Muslimin dan Mujizah. Siti Maryam menjelaskan pentingnya manuskrip Bima untuk keberadaan kerajaan dan masyarakat etnik Bima serta adanya tradisi menulis catatan di Bima yang telah berterusan sejak abad ke-14. Chambert-Loir mengungkapkan pertalian manuskrip Bima dengan sejarah setempat. Dia mengatakan manuskrip Bima menjadi sumber yang sangat penting untuk mengungkapkan perkembangan politik kerajaan Bima, susunan masyarakat, adat istiadat, pentadbiran, hukum dan hubungan Bima dengan daerah di sekitarnya. Secara khusus Chambert-Loir menyoroti jenis-jenis historiografi yang berkembang di Bima. Muslimin pula memperkatakan pola interaksi dalam pelayaran, perdagangan dan persaingan kuasa Bima pada abad ke 18-19. Teks yang digunakan sebagai dasar kajiannya adalah *Undang-undang Bandar Bima* yang dibandingkan dengan teks sejenis dari dunia sastera Melayu *Undang-Undang Melaka* dan Bugis-Makassar *Hukum Pelayaran dan Perdagangan Amanna Gappa*. Sementara itu, Mujizah memperkatakan kaitan antara sejarah Bima dan seni, khususnya iluminasi pada surat Sultan Bima, Ismail yang dikirim kepada Gabernor Jeneral Hindia Belanda, Baron van der Capellen, pada tahun 1823. Dia berpendapat simbol dalam surat itu adalah suatu yang penting kerana melalui surat beriluminasi seumpama itu para penguasa berdiplomasi untuk membina hubungan.

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

Selain itu, lapan kertas kerja lain memperkatakan manuskrip berbahasa Melayu, Arab, Bugis dan Jawa di luar lingkungan kerajaan Bima. Amiq Ahyad memberi perhatian kepada manuskrip pesantren, khususnya salinan manuskrip kuning yang terdapat di lima buah pondok pesantren di tiga buah kabupaten di Propinsi Jawa Timur. Menurut Amiq catatan pias (marginalia) dalam manuskrip itu penting, malahan menjadi dokumen yang unik kerana ia adalah rakaman tulen daripada suatu tradisi dan dinamika keilmuan yang pernah ada di lingkungan pondok pesantren.

Edwin Wieringa membuat tinjauan kritikal ke atas sebuah manuskrip Melayu yang tersimpan di British Library. Menurut Wieringa, manuskrip yang bernombor BL Or.6899 yang dimaklumkan Ricklefs dan Voorhoeve itu berisikan dua buah teks ternyata berisikan tiga buah teks, iaitu *Syair Makrifat, Syair Dagang* dan intermezo kreatif daripada seorang penyalin/pemilik manuskrip yang bernama Encik Umar. Dalam peebincangannya, Wieringa juga mengetengahkan keraguannya akan kepengarangan *Syair Makrifat* (yang biasanya dianggap sebagai ciptaan Abdurrauf Singkel) dan *Syair Dagang* (yang biasanya dianggap sebagai ciptaan Hamzah Fansuri).

Latifah Ratnawati mempermasalahkan kesetaraan gender dalam *Kitab Peryasan Bagus*, sebuah kitab yang berasal dari Sofiah, seorang guru agama perempuan (ustazah) yang mengajar agama di Pulau Bangka. Menurut penulisnya, kitab ini dapat membuat orang yang membaca dan menerapkan pendidikan yang terkandung di dalamnya mempunyai perangai yang indah serta hidup bahagia di dunia dan akhirat. Kitab yang sebenarnya tidak sahaja ditujukan kepada perempuan, tetapi juga laki-laki ini berdasarkan pengamatan Latifah sebahagian fasal-fasalnya memperlihatkan unsur-unsur yang meletakkan perempuan dalam posisi yang tersubordinasi.

Pramono dalam kertas kerjanya mengetengahkan kajian awal atas manuskrip karya Imam Maulana Abdul Manaf Amin Alkhatib, seorang ulama tarekat Syattariyah dari Koto Tangah, Tabing, Padang, yang baru meninggal pada tahun 2006. Dikenal juga sebagai Buya Manaf, ulama tersebut adalah penulis dan penyalin mansukrip yang produktif. Seringkali dia menulis dan menyalin mansukrip atas pesanan orang, terutamanya guru tarekat Syattariyah yang bukan sahaja berasal dari Sumatera Barat, tetapi juga Jambi dan Bengkulu. Menurut Pramono, oleh kerana karya-karya Buya Manaf hingga kini masih dianggap sebagai sumber

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id

pengetahuan dan rujukan, maka karyanya sampai sekarang masih "dibacakan" dan dijadikan rujukan.

Syahrial memaklumkan keberadaan dan keadaan manuskrip Melayu yang terdapat di Cape Town, Afrika Selatan. Dalam kertas kerjanya, Syharial tidak hanya memberi gambaran mengenai isi mansukrip Melayu yang berhasil dibuat inventori, tetapi juga mengetengahkan latar belakang sejarah perkembangan manuskrip dan masyarakat Melayu di Afrika Selatan.

Roger Tol dalam kertas kerjanya memperkatakan sebuah manuskrip dari bundel manuskrip Sulawesi Selatan yang tersimpan di Perpustakaan Nasional RI dengan kod VT 139.VIB. Menurut Tol, manuskrip itu menarik kerana isinya mengandungi sejumlah huraian singkat tentang ciri-ciri lahiriah dan maknanya yang dikenali sebagai ilmu firasat. Dalam khazanah manuskrip Jawa, genre karangan yang mengandungi ilmu firasat itu dikenali dengan nama *primbon*.

Jan van der Putten memperkatakan sebuah manuskrip Melayu Riau dari paruh akhir abad kesembilan belas dan awal abad kedua puluh yang berjudul *Syair Lebai Guntur*, sebuah teks hukum nikah. Dia memfokuskan perbincangan kepada salah satu bahagian khusus teks itu, iaitu pernyataan talak yang memutuskan pertalian pernikahan dengan sah. Selain itu, van der Putten juga memberi perhatian kepada bidang *adab al-jimak*, salah satu bahagian yang dipaparkan dalam naskah itu.

Dan kertas kerja yang terakhir adalah daripada Ding Choo Ming yang memperkatakan masalah kearifan lokal yang terkandung dalam manuskrip Nusantara. Menurut Ding, setiap kerajaan di Nusantara adalah "feeder points" kepada yang lain, mereka membentuk emporium empayar Nusantara, dalam erti kata saling mengganti dan melengkapkan. Demikian juga dengan manuskrip Nusantara yang kaya isinya dan luas skopnya dengan satu perkara mengait yang lain dan saling melengkapkan sehingga membentuk kearifan lokal Nusantara yang terdiri daripada falsafah, pandangan hidup, pengalaman, kepakaran, kiasan, ibarat, kebijaksanaan, adat resam, kepercayaan, perekonomian, kemasyarakatan, kepolitikan, antara yang lain-lain. Dan, kesemuanya itu adalah epistimologi Nusantara.

Perlu dinyatakan di sini bahawa ejaan dan gaya bahasa dalam kertas kerja asal dalam bahasa Indonesia telah disesuaikan dengan ejaan dan gaya bahasa Malaysia sesuai dengan dasar penerbitan buku di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penyunting

digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id digilib.uinsby.ac.id